

## HLM Takaful Premier Growth

Cara Bijak Untuk Mengumpul Wang Anda!



Sila kunjungi mana-mana cawangan kami atau  
hubungi 03-7650 1800  
Layari [www.hlmtakaful.com.my](http://www.hlmtakaful.com.my)

**Capai matlamat hidup anda dan nikmati masa depan yang selesa dengan menyimpan secara bijak.**

Memperkenalkan HLM Takaful Premier Growth, **pelan berkaitan pelaburan dengan sumbangan tunggal** yang menyediakan pilihan untuk menyumbang satu jumlah sekaligus untuk kadar peruntukan yang tinggi bagi menikmati pulangan pelaburan yang bermanfaat pada usia 80 atau 100.

Selain itu, anda akan memperoleh ketenangan fikiran dengan mengetahui bahawa anda dilindungi daripada perkara yang tidak dijangka.

# MENGAPA **HLM Takaful Premier Growth**



1

## Pendaftaran Mudah

Jawab soalan kesihatan yang ringkas tanpa pemeriksaan perubatan untuk menyertai pelan ini<sup>1</sup>.



2

## Perlindungan Terhadap Perkara yang Tidak Dijangka

Sekiranya berlaku Kematian, Hilang Upaya Menyeluruh dan Kekal (TPD)<sup>2</sup> atau Hilang Upaya Usia Tua (OAD)<sup>3</sup>, Jumlah Perlindungan Asas atau Nilai Akaun<sup>4</sup>, yang mana lebih tinggi akan dibayar.

<sup>1</sup> Tertakluk kepada jumlah perlindungan maksimum berdasarkan umur kemasukan.

<sup>2</sup> Perlindungan TPD sehingga 65 tahun.

<sup>3</sup> Perlindungan OAD akan bermula selepas 65 tahun.

<sup>4</sup> Nilai Akaun adalah bersamaan nilai Akaun Pelaburan Peserta (PIA).

Nilai Akaun tersebut adalah berdasarkan prestasi sebenar dan pulangan pelaburan adalah tidak dijamin.

3

### Pembayaran Kematangan

Nilai Akaun akan dibayar sekiranya tiada tuntutan kematian, TPD atau OAD dibuat sebelum kematangan sijil.



4

### Khairat Kematian

Sementara menunggu Manfaat Kematian dibayar, HLM Takaful akan membayar terlebih dahulu 10% daripada Manfaat Kematian setelah menerima sijil pengembunan atau kematian Orang Dilindungi.

5

### Perkhidmatan Nilai Tambahan

Pengaturan untuk menunaikan tanggungjawab keagamaan atau menyumbang kepada badan kebajikan bagi pihak anda apabila berlaku kematian, TPD atau OAD. Sila rujuk kepada Soalan Lazim untuk maklumat lanjut.



6

### Pelepasan Cukai Pendapatan

Anda layak mendapat pelepasan cukai peribadi bagi sumbangan yang telah dibayar di bawah "Insurans Hayat/Takaful" sehingga RM3,000, tertakluk kepada keputusan muktamad Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia.



## KETAHUI LEBIH LANJUT MENGENAI HLM TAKAFUL PREMIER GROWTH

<b>Umur Kemasukan</b>	30 hari sehingga 65 tahun						
<b>Umur Akhir</b>	80 tahun atau 100 tahun						
<b>Sumbangan</b>	<ul style="list-style-type: none"><li>• Sumbangan tunggal minimum: RM8,000</li><li>• Sumbangan tambahan tunggal minimum: RM500</li><li>• Sumbangan tambahan tunggal boleh dibuat pada bila-bila masa selepas sijil berkuatkuasa.</li></ul>						
<b>Jumlah Perlindungan Asas</b>	<p>Jumlah Perlindungan Asas minimum ditunjukkan dalam jadual di bawah manakala Jumlah Perlindungan Asas maksimum adalah tertakluk kepada kelestarian pelan.</p> <table border="1"><thead><tr><th>Umur Kemasukan</th><th>Jumlah Perlindungan Asas Minimum</th></tr></thead><tbody><tr><td>1 - 59</td><td>125% daripada Sumbangan Tunggal</td></tr><tr><td>60 - 65</td><td>105% daripada Sumbangan Tunggal</td></tr></tbody></table> <p>Jumlah Perlindungan Asas akan meningkat sebanyak 100% daripada jumlah sumbangan tambahan yang dibuat dan berkurang sewajarnya dengan jumlah pengeluaran yang dibuat.</p>	Umur Kemasukan	Jumlah Perlindungan Asas Minimum	1 - 59	125% daripada Sumbangan Tunggal	60 - 65	105% daripada Sumbangan Tunggal
Umur Kemasukan	Jumlah Perlindungan Asas Minimum						
1 - 59	125% daripada Sumbangan Tunggal						
60 - 65	105% daripada Sumbangan Tunggal						
<b>Pilihan Dana Pelaburan</b>	<ul style="list-style-type: none"><li>• Dana HLMT i-Income</li><li>• Dana HLMT i-Balanced</li><li>• Dana HLMT i-Equity</li><li>• Dana HLMT Maa'ruf</li><li>• Dana HLMT Makmur</li><li>• Dana HLMT Global Shariah ESG</li></ul> <p>Sila rujuk Helaian Fakta Dana untuk maklumat lanjut mengenai dana berkaitan pelaburan di atas.</p>						

## JENIS DANA TAKAFUL

### 1. Akaun Pelaburan Peserta (PIA)

Sumbangan yang dibayar setelah ditolak Yuran Wakalah akan ditukar menjadi unit bagi dana berkaitan pelaburan pilihan anda dan diperuntukkan ke dalam PIA. Kami akan mengurus dan melabur PIA mengikut terma dan syarat sijil berdasarkan konsep Wakalah Bi Al-Istithmar<sup>5</sup>. Nilai Akaun adalah berdasarkan prestasi sebenar dan pulangan pelaburan adalah tidak dijamin. Seratus peratus (100%) daripada keuntungan pelaburan tahunan (jika ada) akan dikreditkan kembali ke dalam PIA. Sebarang risiko pelaburan daripada PIA akan ditanggung sepenuhnya oleh peserta dan Nilai Akaun mungkin lebih rendah daripada jumlah sumbangan yang telah dibayar.

### 2. Dana Risiko Peserta (PRF)

Secara bulanan, Tabarru' yang telah ditentukan akan ditolak daripada PIA (melalui pembatalan unit) ke dalam PRF berdasarkan konsep Iltizam Bi Al-Tabarru'<sup>6</sup> untuk menyediakan perlindungan Takaful di bawah pelan ini. Jumlah Perlindungan Asas akan dibayar daripada PRF. Sebarang lebihan daripada PRF akan diagihkan pada kadar 50:50 di antara peserta yang layak dan Pengendali Takaful berdasarkan prinsip Ju'alah<sup>7</sup>. Bahagian lebihan peserta akan dikreditkan ke dalam PIA.

## YURAN DAN CAJ

### 1. Yuran Wakalah

Yuran Wakalah adalah yuran pentadbiran kami yang ditolak daripada sumbangan untuk membayar perbelanjaan pengurusan dan kos pengedaran langsung, termasuk komisen.

Jenis Sumbangan	Yuran Wakalah
Sumbangan Tunggal	5%
Sumbangan Tambahan Tunggal	5%

### 2. Tabarru'<sup>8</sup>

Tabarru' adalah bahagian daripada sumbangan dibayar yang akan diambil daripada PIA dan diperuntukkan ke dalam PRF. Tabarru' akan digunakan untuk bantuan bersama di kalangan peserta. Amaun Tabarru' bergantung kepada jumlah perlindungan, umur, jantina, kelas pekerjaan dan keadaan kesihatan orang dilindungi. Kadar Tabarru' adalah tidak dijamin.

<sup>5</sup> Wakalah Bi Al-Istithmar bermaksud kontrak agensi untuk pelaburan di mana Pengendali Takaful bertindak sebagai ejen (wakil) untuk melaburkan sumbangan peserta dengan sewajarnya. Pengendali Takaful tidak berhak ke atas sebarang keuntungan atau menanggung sebarang kerugian. Walau bagaimanapun, Pengendali Takaful berhak untuk memperoleh imbuhan berdasarkan peratusan yang tetap dari Nilai Akaun, seperti kadar yang ditetapkan sebagai Yuran Pengurusan Dana untuk menguruskan dana itu.

<sup>6</sup> Iltizam Bi Al-Tabarru' bermaksud komitmen untuk melakukan Tabarru'.

<sup>7</sup> Ju'alah bermaksud perjanjian di mana peserta bersetuju untuk memberikan ganjaran kepada Pengendali Takaful kerana pencapaian atau prestasi baik dalam menguruskan PRF yang menghasilkan lebihan.

<sup>8</sup> Kami berhak untuk mengubah yuran dan caj dengan memberikan peserta notis bertulis 90 hari.

### **3. Yuran Pentadbiran Bulanan<sup>8</sup>**

RM13 akan ditolak daripada PIA (melalui pembatalan unit) setiap bulan untuk lima tahun sijil yang pertama. Yuran ini adalah bertujuan untuk penyelenggaraan dan servis sijil anda.

### **4. Caj Pengurusan Dana<sup>8</sup>**

Yuran seperti yang ditunjukkan di bawah akan dicaj bagi tujuan menguruskan dana bagi pihak peserta.

<b>Jenis Dana</b>	<b>Caj Pengurusan Dana (sebagai % daripada nilai dana pelaburan)</b>
Dana HLMT i-Income	1.00% setahun
Dana HLMT i-Balanced	1.25% setahun
Dana HLMT i-Equity	1.50% setahun
Dana HLMT Makmur	1.50% setahun
Dana HLMT Maa'rof	1.50% setahun
Dana HLMT Global Shariah ESG	1.50% setahun

### **5. Yuran Serahan<sup>8</sup>**

Sekiranya anda menyerahkan sijil anda dalam masa tiga tahun pertama sijil, yuran serahan sebanyak RM100 akan ditolak daripada Nilai Akaun.

### **6. Yuran Pengeluaran Separa**

Anda boleh membuat pengeluaran separa daripada PIA pada bila-bila masa tanpa sebarang yuran, tertakluk kepada pengeluaran minimum RM500 dan Nilai Akaun minimum RM1,000 selepas pengeluaran.

### **7. Yuran Pertukaran Dana**

Tiada bayaran akan dikenakan apabila anda menukar dana pelaburan semasa anda kepada jenis dana yang lain.

## **SOALAN LAZIM**

### **Apakah maksud Takaful?**

Istilah ‘Takaful’ merujuk kepada skim berdasarkan persaudaraan, perpaduan dan saling membantu yang menyediakan bantuan dan pertolongan kewangan kepada peserta-peserta sekiranya diperlukan di mana peserta-peserta bersetuju untuk menyumbang bagi tujuan tersebut. Setiap peserta bersetuju untuk menyumbang berdasarkan Tabarru’ (derma) yang disatukan untuk menyediakan manfaat semasa berlakunya kejadian malang yang dialami oleh mana-mana peserta.

<sup>8</sup> Kami berhak untuk mengubah yuran dan caj dengan memberikan peserta notis bertulis 90 hari.

## Apakah rider yang tersedia untuk meningkatkan perlindungan saya?

Tiada rider yang boleh dilampirkan kepada HLM Takaful Premier Growth.

## Apakah mod dan cara pembayaran sumbangan yang tersedia?

Anda hanya perlu membuat sumbangan sebanyak satu kali untuk pelan ini melalui tunai, kad kredit/debit, debit terus atau e-Dompet.

## Bolehkah saya mengetahui lebih lanjut tentang Perkhidmatan Nilai Tambahan?

Apabila berlaku kematian, TPD atau OAD, sejumlah amaun akan ditolak daripada manfaat Takaful yang akan dibayar di bawah sijil anda dan membayarnya kepada penyedia perkhidmatan yang dilantik oleh kami. Butiran perkhidmatan yang boleh anda pilih adalah seperti yang disenaraikan di bawah:

Perkhidmatan	Jumlah (RM)	Penerangan
Badal Haji	3,500 <sup>9</sup>	Melaksanakan rukun Haji di Mekah bagi pihak pelanggan Muslim yang tidak dapat melaksanakan Haji dengan sendirinya disebabkan penyakit, usia tua atau kematian.
Korban	750 <sup>9</sup>	Menjalankan "Ibadah Korban" bagi pihak pelanggan Muslim termasuk pembelian dan penyembelihan binatang sembelihan seperti kambing, kambing biri-biri, lembu atau unta.
Wakaf	500	Pemberian sebahagian daripada harta secara sukarela, kekal dan tidak boleh diubah untuk tujuan keagamaan atau kebajikan.

## Apakah pengecualian untuk HLM Takaful Premier Growth?

- Tiada manfaat kematian kecuali Nilai Akaun akan dibayar sekiranya kematian disebabkan secara langsung atau tidak langsung oleh bunuh diri dalam tempoh dua belas (12) bulan dari tarikh permulaan.
- Manfaat TPD/OAD tidak akan dibayar sekiranya TPD/OAD disebabkan secara langsung atau tidak langsung oleh kecederaan yang disengajakan diri ketika waras atau tidak waras atau sebarang keadaan atau hilang upaya yang telah wujud sebelum atau pada tarikh permulaan.

*Nota: Senarai ini tidak lengkap. Sila rujuk Sijil Takaful untuk senarai penuh pengecualian.*

## Bolehkah saya membatalkan sijil saya?

Ya. Anda boleh membatalkan sijil anda dengan memberikan notis bertulis kepada kami. Anda dinasihati agar tidak memegang sijil ini untuk tempoh yang pendek memandangkan kos permulaan yang tinggi. Jika anda mendapati bahawa dana yang dipilih tidak lagi bersesuaian, anda mempunyai fleksibiliti untuk menukar dana pada bila-bila masa tanpa sebarang caj tambahan. Anda akan kehilangan manfaat di bawah sijil Takaful anda dan jumlah yang dibayar kepada anda mungkin lebih rendah daripada jumlah sumbangan yang telah dibayar.


<sup>9</sup> Tertakluk kepada harga pasaran semasa pada tahun perkhidmatan dijalankan.

## **NOTIS PENTING**

1. Risalah ini memberikan ringkasan tentang ciri-ciri utama pelan Takaful ini dan tidak membentuk satu sijil Takaful. Anda perlu membaca Helaian Pendedahan Produk dan Ilustrasi Manfaat untuk maklumat lanjut dan sijil Takaful untuk terma dan syarat lengkap di bawah pelan Takaful ini.
2. Anda harus berpuas hati bahawa pelan Takaful ini adalah yang terbaik untuk memenuhi keperluan anda dan sumbangan yang perlu dibayar di bawah pelan Takaful ini adalah dalam kemampuan anda.
3. Anda harus memberikan maklumat yang mencukupi dan tepat kepada kami supaya nasihat yang sesuai dan kesesuaian pelan Takaful untuk memenuhi keperluan dan keadaan anda boleh diberikan kepada anda.
4. Anda boleh membatalkan sijil Takaful anda dengan mengembalikan sijil Takaful tersebut dalam tempoh bertenang selama 15 hari selepas sijil dihantar kepada anda. Kami akan mengembalikan kepada anda sebarang sumbangan yang tidak diperuntukkan, nilai unit yang telah diperuntukkan (jika ada) pada harga unit pada tarikh penilaian berikutnya, sebarang Tabarru' dan yuran pentadbiran bulanan yang telah dipotong, ditolak sebarang yuran perubatan yang ditanggung.
- 5. Ini adalah produk Takaful yang terikat dengan prestasi aset dasar dan bukan produk pelaburan tulen seperti unit amanah.**
6. Prestasi pelaburan PIA anda adalah tidak dijamin. Adalah mungkin bahawa PIA anda tidak mencukupi untuk membayar Tabarru' dan caj berkaitan lain disebabkan oleh pulangan pelaburan yang rendah atau sebarang pengeluaran separa yang dibuat sepanjang tempoh sijil. Dalam kes berikut, anda perlu membayar sumbangan tambahan sekiranya anda ingin mengekalkan sijil Takaful anda.
7. Adalah tidak digalakkan untuk memegang pelan Takaful ini untuk tempoh masa yang singkat memandangkan kos permulaannya yang tinggi.
8. Jika anda membatalkan sijil Takaful anda lebih awal, anda mungkin akan menerima amaun yang lebih kurang daripada amaun yang telah disumbangkan.
9. Sijil Takaful tidak akan memberikan sebarang bayaran daripada PRF apabila penamatkan awal, penyerahan atau kematangan sijil Takaful.
10. Untuk mengetahui harga unit bagi setiap dana berkaitan pelaburan, anda boleh melayari laman web korporat kami atau merujuk kepada akhbar\* "Berita Harian" dan "The New Straits Times Press".
11. Semua umur yang disebut dalam risalah ini adalah berdasarkan pada hari jadi akan datang.
12. Jika anda memerlukan maklumat tambahan tentang Takaful Berkaitan Pelaburan, sila rujuk risalah *insuranceinfo* mengenai "Takaful Berkaitan Pelaburan" di mana-mana cawangan kami, atau layari [www.hlmtakaful.com.my](http://www.hlmtakaful.com.my).
13. Hong Leong MSIG Takaful Berhad merupakan Pengendali Takaful yang dilesenkan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 dan dikawal selia oleh Bank Negara Malaysia.

\*Tertakluk kepada perubahan tanpa notis selanjutnya.

Untuk maklumat lanjut, sila hubungi ejen HLM Takaful yang mesra hari ini!



Diunderit oleh:

**Hong Leong MSIG Takaful Berhad 200601018337 (738090-M)**

Hong Leong MSIG Takaful Berhad merupakan ahli Perbadanan Insurans Deposit Malaysia (PIDM). Sebagai ahli PIDM, beberapa manfaat yang dilindungi di bawah sijil Takaful yang ditawarkan oleh Hong Leong MSIG Takaful Berhad dilindungi oleh PIDM daripada kehilangan sebahagian atau kesemua manfaat Takaful, sekiranya berlaku kegagalan sesebuah Pengendali Takaful. Untuk maklumat lanjut mengenai had-had perlindungan dan skop perlindungan, sila dapatkan risalah maklumat PIDM daripada Hong Leong MSIG Takaful Berhad atau layari laman web PIDM ([www.pidm.gov.my](http://www.pidm.gov.my)) atau hubungi talian bebas tol PIDM (1-800-88-1266).

**Ibu Pejabat**

Tingkat 5, Menara B, PJ City Development,  
No. 15A, Jalan 219, Seksyen 51A,  
46100 Petaling Jaya,  
Selangor, Malaysia.  
Tel: 03-7650 1800 Faks: 03-7620 6730

Untuk maklumat lanjut, sila layari [www.hlmtakaful.com.my](http://www.hlmtakaful.com.my) atau [fb.com/HongLeong.MSIG.Takaful](https://www.facebook.com/HongLeong.MSIG.Takaful)

**AHLI**

